

VOT 75202

**INVESTIGATING THE FEASIBILITY OF  
ELECTRICAL GENERATION BY USING TIDAL  
METHOD**

**(KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENJANAAN  
TENAGA ELEKTRIK MENGGUNAKAN KAEDAH  
PASANG SURUT AIR)**

**NORZANAH BINTI ROSMIN**

**RESEARCH VOTE NO:  
75202**

**Jabatan POWER  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2006**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN  
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK : INVESTIGATING THE FEASIBILITY OF ELECTRICAL  
GENERATION BY USING TIDAL METHOD

Saya NORZANAH BTE ROSMIN  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan Laporan Akhir Penyelidikan ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.

4. \* Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK  
TERHAD

TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK

  
\_\_\_\_\_  
Nama & Cop Ketua Penyelidik  
NORZANAH ROSMIN

*Norzannah Rosmin*  
Pensyarah / Lecturer  
P03-322,  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 UTM, Skudai, Johor  
No. Tel: 07-5535329  
Email: norzannah@fko.utm.my

Tarikh : 28/2/06

CATATAN : \* Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Untukmu Suami Yang Tercinta,  
Aede Hatib Bin Musta'amal,  
Yang Sentiasa Menjadi Pemimpin dan Penggerak Semangat  
Yang Tidak Pernah Mengabaikan Diri ini dan Anak-anak  
Yang Tidak Pernah Mencari Kesalahan dan Kelemahan Isteri  
Yang Sentiasa Redha dan Berhikmah.*

*Kepada Emak Tersayang,  
Pn. Hajjah Alminah Bte Gimon  
Dan  
Untuk Bapak Yang Sangat Dihormati,  
Tn. Haji Rosmin Bin mariyat  
Kerana Tidak Pernah Berhenti Mendoakan Kesejahteraan Anakanda  
Kerana Sentiasa Memahami Kesukaran Hidup Yang Anakanda Tempuhi,  
Kerana Sentiasa Memberi sokongan dan Dorongan Yang Tidak Berbelah Bagi,  
Melebihi Tanggungjawab Bagi Seorang Ibu dan Ayah.*

*Tidak Lupa Juga Kepada Seluruh Ahli Keluarga dan Anak-anak Tercinta,  
Muhammad Aqil Fathullah,  
Muhammad Nabil Wajihuddin,  
Muhammad Arif Fakhruallah,  
Baby dalam Kandungan.*

*Dan*

*Sudah Pastiynya Kepada Penyelidik-penyelidik Yang Cukup Komited dan Dedikasi  
Menjalankan Penyelidikan.*

*Terima Kasih Juga Kepada Semua Yang Pernah Menjadi Guru Saya,  
Bermula Dari Tadika Hinggalah Ke Peringkat Universiti,  
Terima Kasih di Atas Jasa dan Pengorbanan Kalian Semua,  
Mudah-mudahan Allah s.w.t Membalas Jasa Kalian Dan Merahmati Kita Semua.*

## PENGHARGAAN

Allhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t, kerana telah mengurniakan saya idea untuk menulis proposal kajian ini, kekuatan, ketabahan dan semangat serta kepercayaan pada diri sendiri untuk menyiapkan penyelidikan dan laporan kajian pada masa yang telah ditetapkan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelidik, Muhammad Pahlavi Bin Zakaria, di atas kecekalan, kesungguhan dan semangat yang sentiasa dipelihara demi menyiapkan kajian ini. Juga kepada Mohd Zul-Waqar Mohd Tohid.

Tidak lupa juga kepada sahabat yang dikasihi Hazlina Selamat dan Anita Ahmad yang sentiasa membantu dan memberi sokongan dan dorongan yang ikhlas dan tidak pernah putus.

Dan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung. Jutaan Terima kasih saya ucapkan.



## ABSTRACT

A renewable energy is an energy sources that can be converted into electrical energy without worrying that it could have worn out. Generating electrical energy by using tidal effect is another source of a renewable energy without giving any negative impact on environment. The theory of tidal energy is that it cycle for 24 hours without stopping. Since tidal generation depends on height, then the most critical requirement for generating electrical energy by using tidal effect is the differences between low tide and high tide. To benefit the tidal as a reliable energy source, skims for generating are studied. A control system is designed to ensure that generating is up to maximum. This project is in purpose to state the true ability of generating electrical energy by using tidal effect. It is done by case study, model designing and simulation by using Visual Basic.

## ABSTRAK

Tenaga boleh diperbaharui adalah satu sumber tenaga baru yang boleh ditukar kepada tenaga elektrik tanpa kemungkinan untuk kehabisan pada suatu hari nanti. Penjanaan tenaga elektrik menggunakan kaedah pasang surut air menggunakan penjana lepas pantai merupakan salah satu tenaga yang boleh diterokai tanpa memberi kesan negatif kepada persekitaran. Secara teorinya, pasang surut air berlaku secara berterusan selama 24 jam. Oleh kerana penjanaan pasang surut air bergantung kepada perbezaan paras ketinggian air, maka faktor krikal yang menentukan kemampuan kebolehlaksanaan penjanaan adalah perbezaan tinggi antara pasang dan surut air. Bagi memanfaatkan pasang surut air sebagai satu sumber tenaga yang boleh diharap, maka skim penjanaan telah dikenalpasti. Satu sistem kawalan juga telah direka bagi memastikan penjanaan yang maksimum dapat dicerap. Projek ini bertujuan untuk membuktikan kemampuan penjaan tenaga elektrik menggunakan kaedah pasang surut air. Ia dilakukan dengan kajian kes terhadap beberapa kawasan yang bersesuaian, pembentukan model penjanaan dan simulasi menggunakan aturcara Visual Basic.

## HALAMAN KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	i
DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRACT	iv
ABSTRAK	v
HALAMAN KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SIMBOL	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif	4
1.3 Skop	4
1.4 Pernyataan Masalah	5
<b>BAB 2 TEORI 7</b>	
2.1 Pengenalan	6
2.2 Penjanaan Tenaga Pasang Surut Air	8
2.3 Tenaga Pasang Surut Air	8
2.4 Jenis-jenis Pasang Surut	9
2.5 Penjanaan Menggunakan <i>Barrage</i>	10
2.6 Kelemahan Penjanaan Menggunakan Kaedah <i>Barrage</i>	11
2.6.1 Menghadkan Pergerakan Laluan Air	11
2.6.2 Menghalang Penghijrahan Hidupan Akuatik Ke Laut	12
2.6.3 Mengubah Keadaan Semulajadi	12
2.7 Rumusan	12
<b>BAB 3 METADOLOGI DAN PENDEKATAN 18</b>	
3.1 Pengenalan	13
3.2 Penjana Lepas Pantai	13
3.2.1 Dinding <i>Impoundment</i>	14
3.3 Pensesuaian Penggunaan Penjana Pasang Surut Jenis Lepas Pantai	15
3.4 Permodelan Matematik	20
3.4.1 Persamaan Bernoulli	20
3.4.2 Penghasilan Model Matematik	21

3.4.3 Anggaran Nilai $k$	23
3.5 Anggaran Saiz Penjana	25
3.6 Proses Penjanaan	30
3.6.1 Penjanaan Satu Peringkat	31
3.6.2 Penjanaan Tiga Peringkat	31
3.7 Turbin	32
3.7.1 Faktor Pemilihan Turbin	33
3.7.1.1 Turbin Bulb Hitachi	34
3.7.1.2 Turbin Bulb Kaplan	35
3.8 Simulasi Projek	36
3.8.1 Eksperimentasi Melalui Model	36
3.8.1.1 Sensor	36
3.8.1.2 PLC	36
3.8.1.3 Aturcara <i>Visual Basic</i>	37

#### **BAB 4 EKSPERIMENTASI DAN PENGUMPULAN DATA**

4.1 Pengenalan	39
4.2 Litar Sensor Elektronik	39
4.2.1 Sambungan Darlington	40
4.2.2 <i>Probe</i> Pengesan Kehadiran Air	42
4.2.3 Sumber Vdc Untuk Menghidupkan Litar Sensor	44
4.2.4 Komponen Elektrik Yang Lain	45
4.2.5 Jenis Sambungan Untuk Litar Sensor	46
4.3 Penggunaan Aturcara <i>Visual Basic</i>	47
4.3.1 Langkah-langkah Menyediakan <i>Interface</i> Keluaran Untuk Model	47
4.4 Sistem Kawalan Untuk Penjanaan Satu peringkat	53
4.4.1 Pembentukan Sistem Kawalan	53
4.4.2 Sambungan <i>Hardware</i> PLC	58
4.5 Model Penjanaan Satu Peringkat	60
4.6 Keputusan dan Analisis	63
4.6.1 Keputusan Dan Analisis Data Pasang Surut Di Sejingkat, Sarawak	63
4.6.2 Rumusan Data Bacaan Pasang Surut	67
4.6.3 Analisis Penjanaan	68
4.6.4 Keputusan Eksperimentasi	70

#### **BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Kesimpulan	75
5.2 Cadangan	76

#### **RUJUKAN**

77

#### **LAMPIRAN**

78 – 99

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.3.1	Senarai penjana pasang surut yang menggunakan barrage	17
3.3.2	Jadual pasang surut air di beberapa kawasan terpilih di Malaysia	18
3.5.1	Masa dan kadar pasang surut	25
3.7.1.2.1	Jadual orientasi ukuran bagi turbin bulb Kaplan	35

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1.1	Penjana pasang surut air jenis <i>barrage</i>	2
1.1.2	Ekspresi artis mengenai rupa <i>tidal fences</i>	3
1.1.3	Lukisan konsep <i>tidal turbine</i> di atas dasar laut	3
2.1.1	Bukti penggunaan tenaga pasang surut pada masa silam	6
2.1.2	Cara pengisar Eling berfungsi	7
2.1.3	Pengisar Eling	7
2.4.1	Kesan perubahan kedudukan bulan, bumi dan matahari dan kesannya terhadap pasang surut	10
2.5.1	Penjana kuasa pasang surut di La Rance, Perancis	11
2.6.1.1	Binaan <i>barrage</i> yang menyekat seluruh muara	11
2.6.2.1	Gambaran laluan penghijrahan ikan	12
3.2.1	Gambaran kitar penjanaan tenaga elektrik dan pasang surut air	16
3.4.3.1	Pandangan sisi bagi struktur <i>impoundment</i> menunjukkan aras ketinggian <i>h</i>	23
3.5.1	Lakaran paras ketinggian air mengikut masa	26
3.5.2	Lukisan skematik asas penjana lepas pantai	27
3.5.3	Lukisan asas pandangan sisi dinding <i>impoundment</i>	28
3.5.4	Kawasan projek penjana lepas pantai oleh syarikat Tidal Electric	29
3.5.5	Peta kawasan kedudukan Sejingkat	29
3.5.6	Peta kedudukan penjana lepas pantai di Sejingkat	30
3.6.1.1	Anggaran penjanaan tenaga elektrik mengikut penjanaan satu peringkat	31
3.6.2.1	Graf anggaran penggunaan skim penjanaan tiga peringkat di Sejingkat Sarawak pada 19 Oktober 2002	32
3.7.1.1	Struktur asas turbin bulb	33
3.7.1.1.1	Model turbin bulb yang digunakan di Tadami, Jepun	34
3.7.1.2.1	Lukisan keratan rentas turbin bulb Kaplan	35
3.8.1.2.1	Contoh aturcara PLC menggunakan <i>Ladder Diagram</i>	37
3.8.1.3.1	Paparan untuk permulaan aturcara <i>Visual Basic</i>	38
4.2.1.1	Litar skematik pemasangan Darlington	40
4.2.1.2	Litar setara pemasangan Darlington setelah dilitar pintas	41
4.2.1.3	Litar konsep sambungan sensor ke program PLC dan aturcara <i>Visual Basic</i>	41
4.2.1.4	Litar sensor di atas <i>testing board</i>	42
4.2.2.1	Rupa bentuk <i>probe</i> untuk paparan <i>Visual Basic</i>	43
4.2.2.2	<i>Probe</i> untuk menghidupkan geganti	43
4.2.2.3	<i>Probe</i> yang digunakan untuk pembikinan model penjanaan elektrik satu peringkat	44
4.2.3.1	Sumber kuasa untuk arus terus	45
4.2.4.1	Motor yang digunakan sebagai perwakilan pam atau turbin	45
4.2.4.2	Relay 6 Vdc	46
4.2.5.1	Sambungan selari litar sensor	46
4.3.1.1	<i>Interface</i> untuk paparan keluaran potensi kuasa yang dijana mengikut ketinggian	48

4.3.1.2	<i>Source code</i> untuk paparan potensi kuasa yang dijana mengikut ketinggian	48
4.3.1.3	Kabel pencetak yang diubah suai untuk penyambungan antara komputer dengan litar sensor s6	49
4.3.1.4	Penyambungan <i>female</i> D 25	50
4.3.1.5	Masukan pada penyambung <i>male</i> D 25	51
4.3.1.6	Penyambungan antara <i>male</i> D 25 dan <i>female</i> D 25	51
4.3.1.7	Penyambungan antara <i>probe</i> , sumber kuasa, litar sensor dan penyambung <i>female</i> D 25 dengan litar sensor	52
4.3.1.8	Aturcara paparan untuk menentukan masukan yang digunakan sebagai medium penghantaran	52
4.4.1	Anggaran penjanaan elektrik mengikut penjanaan satu peringkat dan masa penggunaan pam	53
4.4.1.2	Gambaran kedudukan sensor bagi model skim penjanaan satu peringkat	54
4.4.1.3	Aturcara sistem kawalan penjanaan satu peringkat	54
4.4.1.4	Gambaran perubahan aras ketinggian air ketika air pasang penuh	55
4.4.1.5	Aturcara kawalan apabila air pasang penuh	55
4.4.1.6	Aturcara kawalan ketika aras air meningkat ke s4	56
4.4.1.7	Gambaran perubahan ketinggian air	56
4.4.1.8	Aturcara kawalan ketika aras air berada pada s0 dan s6	57
4.4.1.9	Aturcara kawalan ketika air mula surut	57
4.4.2.1	PLC	58
4.4.2.2	Lakaran sambungan PLC	59
4.4.2.3	Sambungan geganti dan litar sensor	59
4.4.2.4	Sambungan litar sensor, PLC dan motor	60
4.5.1	Gambarajah konsep model untuk penjanaan satu peringkat	61
4.5.2	Model kawasan tadahan	61
4.5.3	Laluan air pada kawasan tadahan	62
4.5.4	Model penjana satu peringkat	62
4.6.1.1	Graf paparan kuasa yang dijana dalam setahun 2002 di Sejingkat, Sarawak	63
4.6.1.2	Bacaan dan graf pada bulan Januari	65
4.6.1.3	Bacaan dan graf pada bulan Ogos	66
4.6.1.4	Bacaan dan graf pada bulan Disember	66
4.6.3.1	Graf penjanaan satu peringkat	68
4.6.3.2	Perbezaan ketinggian ketika t1	69
4.6.3.3	Perbezaan ketinggian ketika t2	69
4.6.3.4	Graf perbezaan skim penjanaan tiga peringkat	70
4.6.4.1	Paparan keluaran daripada simulasi menggunakan model penjanaan satu peringkat	71
4.6.4.2	Sistem kawalan untuk mengawal penjana	72
4.6.4.3	Ketinggian dalam dan luar kawasan tadahan ketika pasang penuh	72
4.6.4.4	Gambaran perbezaan aras antara kawasan tadahan dengan kawasan yang mengalami pasang surut	73
4.6.4.5	Sistem kawalan penjanaan ketika terdapat perbezaan kecil antara kawasan tadahan dan kawasan yang mengalami pasang surut	73
4.6.4.6	Keadaan ketika perbezaan antara dalam dan luar penjana adalah setara	74
4.6.4.7	Aturcara kawalan ketika penjanaan disambung semula	74

**SENARAI SIMBOL**

BJT - Bipolar Junction Transistor

OS - Operation System

PLC - Programmable Logic Control

Vac - Voltage Alternate Current

Vdc - Voltage Direct Current

Vm - Voltage Maximum



## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	<i>Source code</i> paparan potensi kuasa untuk model penjanaan satu peringkat	78
B	Bacaan dan graf bagi penjanaan tenaga elektrik di Sejingkat dari bulan Januari hingga Disember pada tahun 2002	82
C	Senarai jadual pasang surut air pada tahun 2002 di Sejingkat Sarawak	94

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**


Air merupakan salah satu sumber penting yang amat berguna kepada kesejahteraan kehidupan di dunia. Bersesuaian dengan kuantitinya yang banyak iaitu hampir 75% daripada permukaan planet bumi ini diliputi oleh air, ia telah memenuhi kehendak manusia dalam pelbagai cara. Air bukan sahaja mampu memberi kehidupan yang seimbang kepada kehidupan masyarakat global malah mampu mengubah sebuah planet yang gersang kepada planet yang subur dengan tumbuhan dan hidupan.

Berdasarkan kepada masalah kekurangan sumber fosil yang semakin meningkat dan peningkatan permintaan terhadap tenaga serta ancaman terhadap peningkatan suhu persekitaran, beberapa kaedah bijak perlu difikirkan bagi membantu menghasilkan beberapa sumber tenaga baru yang bakal menangani atau mengurangkan masalah tersebut.

Proses alam yang tetap terhadap pasang dan surut air telah mencetuskan idea terhadap penjanaan tenaga melalui kaedah pasang surut air. Keupayaan penjanaan ini sudah semestinya bebas daripada pencemaran malah boleh menjanjikan satu sumber tenaga yang tidak akan berkehabisan. Daripada beberapa andaian sebelum ini, penjanaan tenaga daripada fenomena pasang surut air ini adalah agak terhad, namun di akhir-akhir ini, potensi sebenarnya sudah mula diterokai.

Tenaga pasang surut air berlaku apabila berlaku perubahan paras air laut iaitu ketika fenomena pasang dan fenomena ketika surut. Penjanaan tenaga menggunakan kaedah ini boleh dilakukan dengan cara membina empangan kecil (*barrage*) untuk tujuan menakung air ketika air pasang atau surut. Ketika air pasang, empangan akan membenarkan sejumlah air masuk ke dalam takungan. Manakala ketika air surut pula, air di dalam takungan tersebut akan dilepaskan semula. Oleh itu, proses penjanaan tenaga elektrik ini dijana ketika proses pengaliran air masuk ke dalam dan keluar daripada kawasan tadahan (*barrage*).


Rajah 1.1.1 menunjukkan struktur asas *barrage*. Walaupun kaedah ini amat berguna dalam proses penjanaan tenaga air laut, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan atau pun kekurangannya. Oleh itu, kaedah baru telah diterokai bagi memperbaiki kelemahan sistem *barrage*. Kaedah yang dimaksudkan adalah dengan menggunakan kaedah penjanaan tenaga elektrik menggunakan penjana elektrik lepas pantai (*offshore tidal generator*).



Rajah 1.1.1 Penjana pasang surut air jenis *barrage*


Dalam kaedah penjanaan tenaga elektrik menggunakan penjana lepas pantai, terdapat beberapa jenis penjana yang telah diperkenalkan. Antara rekabentuk yang biasa digunakan adalah jenis *tidal fences*, *tidal turbine* dan *impoundment*.

*Tidal fences* merupakan penjana bersaiz gergasi dan biasanya dipasang merentangi suatu terusan, memaksa semua air melaluinya seperti yang di tunjuk dalam rajah 1.1.2.



Rajah 1.1.2 Ekspresi artis mengenai rupa *tidal fences*

*Tidal turbine* pula berfungsi seperti penjana kincir angin. Penjana jenis ini menjana tenaga elektrik melalui laluan arus air dasar laut ketika pasang dan surut. Rajah 1.1.3 menunjukkan jenis *tidal turbine*.



Rajah 1.1.3 Lukisan konsep *tidal turbine* di atas dasar laut

Manakala struktur *impoundment* merupakan penjana lepas pantai yang terdiri daripada dinding *impoundment* (*impoundment wall*). *Impoundment* merupakan penjana lepas pantai yang paling ekonomi dan praktikal berbanding *tidal fences* dan *tidal turbine*.

## 1.2 Objektif

Penggunaan kaedah pasang surut air dalam menjana tenaga elektrik melalui penjana lepas pantai masih lagi dalam peringkat kajian dan percubaan. Oleh itu, beberapa objektif telah digariskan untuk mengkaji sejauhmana kebolehlaksanaan sistem penjanaan tersebut di Malaysia khususnya. Berikut merupakan objektif-objektif kajian:

1. Mengkaji dan merekabentuk sistem penjanaan elektrik dengan menggunakan kaedah penjanaan lepas pantai (*offshore*) sebagai satu sumber tenaga baru.
2. Mereka dan mengenalpasti persamaan matematik yang paling sesuai untuk menganggarkan jumlah keluaran bagi tenaga penjanaan lepas pantai tersebut.
3. Membangunkan perisian komputer yang dapat mengira tenaga keluaran berdasarkan kepada data bagi beberapa lokasi terpilih.
4. Menyelidik dan membandingkan kecekapan dan kebolehlaksanaan sistem penjanaan pasang surut air menggunakan kaedah takungan (*barrage*) dan lepas pantai (*offshore*).

## 1.3 Skop

Bagi melaksanakan kajian ini, konsep, struktur dan ciri-ciri bagi penjana tadahan dan lepas pantai perlu dikaji. Antaranya adalah dengan mengkaji struktur binaan yang bersesuaian bagi tujuan penakungan air dan jenis binaannya. Konsep binaan juga haruslah bersesuaian dengan struktur muka bumi. Jenis penjana yang digunakan juga akan diambil kira. Ini adalah untuk memastikan jenis penjana yang paling bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Jenis talian penghantaran turut disentuh.

Selain itu, penerbitan dan pembuktian persamaan matematik yang sesuai juga dilakukan bagi menggambarkan jumlah tenaga elektrik yang bakal dijana secara teori. Perbandingan ini juga meliputi pembuktian daripada teori dan penerbitan persamaan daripada persamaan-persamaan asas dalam mata pelajaran fizik dan sebagainya. Bagi menggambarkan hasil kajian secara *visual*, simulasi menggunakan perisian *Microsoft Visual Basic 6.0* akan digunakan.

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, proses penjanaan tenaga elektrik melalui kaedah penjana lepas pantai masih lagi dalam peringkat kajian. Buat masa ini, penjanaan tenaga elektrik melalui kaedah pasang surut air dilakukan dengan kaedah *barrage*. Maka, cabaran yang paling besar dalam kajian ini adalah untuk membuktikan penjanaan tenaga elektrik melalui kaedah penjana lepas pantai (*offshore*) ini mampu memberi pulangan yang lebih baik berbanding kaedah *barrage* seperti yang dinyatakan secara teori.

Di peringkat antarabangsa, kejayaan penjanaan jenis ini masih belum diumumkan kerana ianya masih dalam proses pembinaan. Daripada kajian yang telah dilakukan setakat ini, antara faktor lain yang menghalang pelaksanaan penjana lepas pantai ialah masalah mengenal pasti lokasi kawasan yang mempunyai paras air pasang dan surut yang mampu menjana tenaga elektrik dalam jumlah yang dikehendaki.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR


#### 2.1 Pengenalan

Pada ketika bangsa Rom menakluki England, pengisar pasang surut telah digunakan untuk mengisar bijirin dan jagung. Pengisar ini beroperasi dengan menyimpan air di dalam empangan kecil ketika air pasang. Pada ketika air surut, air dalam empangan dilepaskan dengan perlahan dengan tujuan untuk menggerakkan pengisar. Pada tahun 1999, teknologi penjanaan kuasa menggunakan tenaga pasang surut air telah ditemui. Teknologi tersebut dikenali sebagai '*Nendrum Monastic Tidal Site*'. Penemuan itu telah mendedahkan bahawa terdapat satu struktur pengisar pasang surut yang telah dibina pada tahun 787.

Rajah 2.1.1 (a) menunjukkan ruang di mana air ditakung sebelum dilepaskan ketika air surut. Rajah 2.1.1(b) pula menunjukkan bilah yang digunakan untuk memutarakan pengisar bagi mengisar jagung atau gandum.



(a)




(b)

Rajah 2.1.1 (a) dan (b) Bukti penggunaan tenaga pasang surut pada masa silam



Antara pengisar yang menggunakan kuasa daripada fenomena pasang surut air ini ialah Pengisar Eling (*Eling Mill*). Pengisar ini dibina dalam tahun 1086. Pada asalnya ia digunakan untuk mengisar empat tan tepung setiap hari. Ia telah dibina semula beberapa kali, namun ia masih beroperasi dengan menggunakan konsep yang sama. Kaedah yang digunakan dalam Pengisar Eling adalah sama dengan konsep *barrage*.

Rajah 2.1.2 menunjukkan kitar penggunaan pengisar Eling. Bahagian (a) menunjukkan ketika air mula pasang dan sedang memasuki kawasan tadahan air. Bahagian (b) pula menunjukkan air ketika air pasang penuh manakala bahagian (c) menunjukkan air sudah dikeluarkan dari kawasan tadahan dilepaskan untuk memutarakan pengisar. Rajah 2.1.3 pula menunjukkan pengisar Eling pada masa kini.



Rajah 2.1.2 Cara Pengisar Eling berfungsi



Rajah 2.1.3 Pengisar Eling



## 2.2 Penjanaan Tenaga Pasang-surut Air

Tenaga pasang-surut air merupakan tenaga yang diperoleh daripada perubahan aras ketinggian air laut. Sungguhpun jumlah tenaga dalam pasang-surut ini adalah besar iaitu dalam lingkungan  $2 \times 10^6$  MW. Namun begitu, hanya sebahagian kecil sahaja yang boleh digunakan kerana tenaga ini disebarkan ke kawasan yang luas. Ini memerlukan satu janakuasa yang besar dan mahal.

Buat masa ini, cara terbaik untuk menjana tenaga elektrik melalui pasang-surut air ialah dengan menggunakan kaedah *barrage* (empangan kecil). Walaupun kaedah ini sudah lama digunakan dan banyak kawasan yang berpotensi sudah diketahui, tetapi rentak dan kerancakan dalam meneroka potensi sebenar tenaga pasang-surut ini sebenarnya banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor luar. Antaranya ialah persaingan dengan penjanaan menggunakan tenaga fosil, kos pembinaan dan dasar-dasar kerajaan. Namun begitu, akhir-akhir ini penjanaan tenaga elektrik melalui pasang-surut air ini sudah mula mendapat perhatian dari pihak-pihak yang prihatin.

## 2.3 Tenaga Pasang-surut Air

Tenaga pasang-surut air terhasil daripada proses daya tarikan graviti yang berlaku di antara bulan dan bumi, dan proses daya tarikan graviti di antara matahari dan bumi. Tenaga daya tarikan graviti seperti yang diketahui secara umum, akan menarik dua jasad saling 'menarik' antara satu sama lain. Daya tarikan dari bulan terhadap molekul-molekul air di permukaan bumi dikenalpasti sebagai:

$$f = KMm/d^2$$

dimana;

$M =$  jisim bulan

$m =$  jisim molekul air

$d =$  jarak antara molekul air dan permukaan bulan


$k =$  pemalar untuk gravity

Daya tarikan graviti yang disebabkan oleh matahari juga mengikut hukum yang sama, tetapi kesan ( $M/d^2$ ) adalah 2.17 kali kurang kerana jarak antara bumi dan matahari yang lebih jauh (berbanding dengan bulan). Ketika bumi berputar, jarak di antara molekul bumi dan bulan akan berubah-ubah. Pada waktu siang, sama ada untuk bulan atau matahari, jarak antara molekul dan tarikan jasad adalah kurang berbanding apabila molekul berada dalam keadaan selari, dan ini akan membuatkan molekul ini menjauhi bumi. Pada ketika ini lautan akan membonjol keluar dari bumi. Sebaliknya, pada waktu malam pula, jarak bumi dan bulan adalah lebih dekat, keadaan ini akan menyebabkan molekul-molekul ini akan lebih menjauhi bumi. Dua daya yang berasingan ini menyebabkan dua daya yang berbeza pada siang dan malam (24 jam). Maka, adalah wajar kesan-kesan medium tadi terjadi terhadap proses pasang-surut supaya jumlah tenaga yang dapat dijana oleh suatu penjana dapat dianggarkan di samping menilai kebolehlaksanaan untuk membina penjana pasang surut air.

#### 2.4 Jenis-jenis Pasang-surut

Fenomena pasang-surut berlaku mengikut tempoh tertentu. Perubahan semulajadi ini adalah berkaitan dengan perubahan kedudukan matahari dan bulan. Tindak balas antara bulan dan bumi akan mengakibatkan lautan membonjol ke arah bulan akibat tarikan graviti bulan, manakala bahagian bumi yang membelakangkan bulan juga membonjol menjauhi bulan kerana kekurangan tarikan graviti bulan dan dilindungi oleh bumi. Ini dikenali sebagai pasang surut bulan (*lunar tide*). *Lunar Tide* ini dikomplikasikan dengan interaksi antara tarikan graviti antara matahari dan bumi.


Oleh kerana kedudukan bulan dan matahari bukanlah pegun tetapi berubah mengikut masanya yang tersendiri, maka terdapat beberapa jenis pasang surut yang umum. Contohnya, apabila bumi, bulan dan matahari berada dalam kedudukan selari, keadaan pasangunya adalah berganda. Ini kerana pasang yang terlibat adalah pasang yang disebabkan oleh graviti bulan dan graviti matahari. Pasang ini dikenali sebagai pasang surut perbani (*spring tides*). Sebaliknya, apabila bulan, bumi dan matahari berada dalam keadaan bersudut tepat, maka pasang adalah dalam keadaan minima. Ini dikenali sebagai pasang anak (*neap tides*). Rajah 2.4.1 menunjukkan jenis-jenis pasang surut tersebut.



Rajah 2.4.1 Kesan perubahan kedudukan bulan, bumi dan matahari dan kesannya terhadap pasang-surut.

## 2.5 Penjanaan Menggunakan *Barrage*

Buat masa ini satu-satunya cara yang efektif bagi menjana tenaga elektrik melalui pasang surut adalah menggunakan kaedah *barrage* (empangan kecil) seperti di La Rance, Perancis dan di Annapolis, Kanada. Konsep yang digunakan adalah sama seperti penjanaan tenaga elektrik melalui kaedah empangan hidroelektrik. Cuma penjanaan dapat dilakukan dalam dua arah, iaitu ketika pasang (air masuk ke dalam *barrage*) dan ketika surut (air keluar dari *barrage*). Contoh penggunaan *barrage* yang berkesan ialah di La Rance, Perancis. Ketinggian air pasang di La Rance adalah setinggi 8 meter, manakala keluasan kawasan tadahan adalah 17km<sup>2</sup>. Ia mempunyai 24 buah turbin jenis bulb yang mana setiap satunya berupaya menjana 10 megawatt kuasa. Ia telah mula beroperasi sejak tahun 1966 lagi. Rajah 2.5.1 menunjukkan penjana pasang surut air di La Rance, Perancis



Rajah 2.5.1 Penjana kuasa pasang surut di La Rance, Perancis

## 2.6 Kelemahan Penjanaan Kuasa Menggunakan Kaedah Barrage

Sungguh pun penjanaan menggunakan *barrage* ini mampu menjana elektrik dengan jayanya, tetapi ia tetap mempunyai kesan negatif yang perlu diambil berat. Antara kelemahannya adalah:

### 2.6.1 Menghadkan pergerakan laluan air


*Barrage* merupakan satu empangan yang merentangi muara dalam kawasan yang mengalami fenomena pasang-surut air. Ini secara tidak langsung menyekat laluan ke laut. Rajah 2.6.1.1 menunjukkan binaan *barrage* tersebut. Pintu/pagar (*gate*) boleh juga dipasang seperti di La Rance. Pagar ini dapat membenarkan sebahagian daripada pengangkutan air, tetapi cara ini hanya membazirkan wang dan ia juga melambatkan proses pergerakan ke laut.



Rajah 2.6.1.1 Binaan *barrage* yang menyekat seluruh muara

### 2.6.2 Menghalang Penghijrahan Hidupan Akuatik ke Laut

Terdapat beberapa jenis ikan yang bertelur di kawasan air tawar. Kemudian selepas beberapa ketika, apabila telur-telur itu menetas, anak-anak ikan ini akan berenang ke laut dan terpaksa melalui laluan yang melalui turbin. Peratusan ikan yang berjaya lepas ke laut adalah amat kecil (kira-kira 6%). Oleh itu secara tidak langsung hidupan akuatik di kawasan tersebut akan terjejas dan berubah. Rajah 2.6.2.1 merupakan gambaran laluan penghijrahan ikan salmon dari kawasan air masin ke kawasan air tawar dengan melalui muara sungai di New York, Amerika Syarikat.



Rajah 2.6.2.1 Gambaran laluan penghijrahan ikan

### 2.6.3 Mengubah Keadaan Semulajadi

Kawasan binaan *barrage* sepatutnya berkeadaan kering dan basah mengikut kitaran pasang-surut. Keadaan semula jadi yang unik ini merupakan kawasan pembiakan hidupan yang istimewa. Oleh kerana berlakunya perubahan fizikal alam, maka haiwan-haiwan ini akan berpindah ke kawasan lain.

### 2.7 Rumusan

Oleh kerana kaedah *barrage* ini memberi kesan negatif kepada struktur alam, satu kaedah baru telah dicadangkan. Kaedah yang dimaksudkan adalah dengan menggunakan konsep penjanaan pasang-surut melalui penjana lepas pantai (*offshore tidal generator*). Sungguh pun kaedah ini masih lagi dalam status pengujian, namun ia merupakan harapan baru dalam penjanaan tenaga elektrik yang bersih dan ekonomik.

## BAB III

### METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penerangan mengenai penjana lepas pantai daripada palbagai aspek seperti konsep, struktur dan permodelan matematik penjana akan diterangkan dengan jelas.

#### 3.2 Penjana Lepas Pantai

Penjana lepas pantai merupakan jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh penjana pasang-surut jenis *barrage*. Ini kerana penjana lepas pantai mementingkan keadaan semulajadi alam, menjimatkan kos dan mempunyai keboleharapan yang tinggi. Ini secara tidak langsung menjadikan fenomena pasang-surut merupakan satu sumber tenaga yang tidak boleh dibazirkan begitu sahaja.

Struktur *impoundment* tidak menyekat seluruh muara sungai seperti *barrage* dan ia merupakan satu struktur yang berdiri sendiri. Ia tidak terikat dengan muara sungai mahupun persisiran sungai atau pun laut. Ia juga digambarkan sebagai empangan bulat yang dibina di atas dasar laut. Maka, ini secara tidak langsung menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan halangan terhadap laluan air dan mengubah bentuk permukaan alam.

Kawasan yang paling sesuai untuk membina penjana ini adalah kawasan berair cetek (cetek di sini bermaksud dari istilah perkapalan) ketika air surut yakni kawasan yang berdekatan dengan pinggir pantai. Manakala, kapal-kapal besar memerlukan kawasan perairan yang dalam. Dalam konteks tidak menghalang laluan air, ia bermaksud membenarkan sampan, bot dan kapal kecil melalui kawasan sekitar penjana tersebut (berbanding *barrage* yang merentangi terus suatu muara). Oleh itu nelayan masih boleh mencari sumber rezeki dan kawasan basah kering yang menjadi kawasan penempatan haiwan-haiwan tertentu masih lagi terpelihara.

Turbin yang digunakan untuk menjana pula terletak di dalam struktur impoundment dan sentiasa ditenggelami air. Kuasa dihantar melalui kabel bawah tanah/dasar laut dan kemudian disambung ke grid. Penjana sepatutnya tidak lebih dari beberapa meter dari kawasan kering apabila air surut dan ia sebolehnya dibina di kawasan secetek mungkin supaya dapat menjimatkan kos.

### **3.2.1 Dinding *Impoundment***

Dinding *impoundment* ini dibina secara asasnya daripada cebisan batu, pasir dan tanah. Oleh itu, ia dibina daripada bahan-bahan yang paling ekonomi sekali. Dalam aspek kegagalan atau kerosakan struktur, akibatnya tidaklah termasuk dalam isu keselamatan atau kerosakan harta benda. Kerosakan yang teruk barangkali terjadi kerana bencana gempa bumi. Oleh kerana bencana gempa bumi bukan merupakan satu ancaman di Malaysia, maka satu-satunya ancaman yang ketara adalah hakisan ombak di persisiran pantai. Oleh itu, faktor ke atas kegagalan struktur ini adalah dalam kawalan kerana proses hakisan memakan masa dan ia tidak berlaku secara mendadak dan secara tidak langsung memberi masa untuk mengambil langkah pencegahan.

Turbin untuk penjanaan terletak di dalam dinding *impoundment* ini. Membina satu penjana kompleks yang terdiri daripada struktur impoundment yang lengkap, kelihatan seperti memakan kos yang besar berbanding dengan membina satu *barrage* kecil di mana *barrage* menggunakan kontur permukaan semulajadi sebagai sebahagian




daripada bekas simpanan air. Sungguh pun *barrage* adalah lebih pendek daripada dinding *impoundment*, tetapi binaannya adalah lebih besar. Kos bagi pembinaan penjana lepas pantai adalah lebih rendah berbanding *barrage* atas sebab-sebab berikut:

**Kedalaman:** Daya hidrostatik dan hidrodinamik meningkat atau berkadar dengan kedalaman. Struktur *impoundment* ini dibina berdekatan dengan persisiran pantai betul-betul pada takat di mana air surut. Sebaliknya *barrage* hendaklah dibina di sepanjang muara dan terpaksa dibina dalam apa jua kedalaman.

**Faktor Beban:** Melalui kaedah *barrage* penjanaan yang maksimum hanya dilakukan dalam satu arah (pada bahagian air pasang) dalam tujuan untuk meminimakan pemecahan progresif pada bahagian dalaman yang akan membawa kepada pengkelodakan pada bahagian atas bekas takungan. Sebaliknya, penjana lepas pantai adalah bebas untuk menggunakan pada mana-mana bahagian pasang-surut untuk proses penjanaan. Oleh itu, keadaan ini telah meningkatkan faktor beban sebanyak dua kali ganda. Menggandakan faktor beban adalah bersamaan dengan mengurangkan kos kapital per unit keluaran sebanyak separuh.

**Kecekapan:** Kedua-dua struktur *impoundment* dan *barrage* bertujuan untuk menakung air. Tenaga pasang-surut air bergantung kepada kadar perbezaan ketinggian antara pasang dan surut. Struktur *impoundment* hanya dibina atas tujuan tersebut; menakung air yang hanya berpotensi untuk menjana kuasa. Sebaliknya, *barrage* pula menakung semua air (maksudnya ketika surut, masih terdapat air di dalam *barrage*; kerana *barrage* dibina di muara sungai) sama ada ia berpotensi untuk menjana tenaga atau tidak. Kos untuk menakung air yang tak berpotensi ini pula memakan kos. Inilah yang dimaksudkan dengan binaan *barrage* lebih besar daripada struktur *impoundment* dari segi saiz sekaligus membawa kepada peningkatan kos. Rajah 3.2.1 merupakan kitar pasang surut yang mempengaruhi penjanaan tenaga elektrik menggunakan penjana lepas pantai.





Rajah 3.2.1 Gambarajah kitar penjanaan tenaga elektrik dan pasang surut air

### 3.3 Penyesuaian Penggunaan Penjana Pasang-Surut Jenis Lepas Pantai

Dalam menjana tenaga pasang-surut air, perkara yang paling penting ialah paras ketinggian air pasang dan surut. Semakin tinggi perbezaan antara air pasang dan surut, maka semakin sesuai lokasi tersebut dibina penjana pasang surut air tak kira jenis *offshore* atau pun jenis *barrage*. Untuk mendapat gambaran jelas tentang pengaruh ketinggian pasang-surut air terhadap penjanaan, bolehlah dilihat beberapa penjana pasang-surut yang telah sedia ada dalam jadual 3.3.1.

Jadual 3.3.1 Senarai penjana pasang surut yang menggunakan *barrage*

Site	Mean tidal range (m)	Basin area (km <sup>2</sup> )	Installed capacity (MW)	Approx. output (GWh/year)	In service
La Rance (France)	8	17	240	540	1966
Kislaya Guba (Former Soviet Union)	2.4	2	0.4	—	1968
Jiangxia (People's Republic of China)	7.1	2	3.2	11	1980*
Annapolis (Canada)	6.4	6	17.8	30	1984
Various (People's Republic of China)	—	—	1.8	—	—

\*First Unit in 1980, sixth in 1986.

Dari jadual 3.3.1 jelas menunjukkan faktor perbezaan air ketika pasang dan surut amat memainkan peranan dalam penjanaan tenaga elektrik. Sungguh pun penjana-penjana ini adalah dari jenis *barrage*, namun begitu ia masih sesuai kalau dianggap sebagai pebandingan kesan ketinggian terhadap penjanaan tenaga pasang-surut air. Jadual 3.3.2 pula merupakan beberapa contoh data yang direkod untuk kawasan pasang surut air yang terdapat di Malaysia.

Jadual 3.3.2 Jadual pasang surut air di beberapa kawasan terpilih di Malaysia

## JOHOR BHARU

	Selasa 19 Ogos		Rabu 20 Ogos		Khamis 21 Ogos		Jumaat 22 Ogos		Sabtu 23 Ogos	
	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)
PASANG	0323	2.48	0410	2.24	0514	2.02				
SURUT	0859	0.88	0924	1.12	1013	1.39	0034	0.85	0137	0.76
PASANG	1536	2.54	1608	2.43	1650	2.30	0650	1.90	0900	1.97
SURUT	2130	0.79	2256	0.88			1245	1.53	1358	1.51
PASANG							1754	2.21	1918	2.19

(a)

## PELABUHAN KLANG

	Selasa 19 Ogos		Rabu 20 Ogos		Khamis 21 Ogos		Jumaat 22 Ogos		Sabtu 23 Ogos	
	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)
PASANG									0153	2.95
SURUT	0328	0.90	0358	1.19	0446	1.49	0606	1.72	0821	1.62
PASANG	0939	3.72	1015	3.41	1111	3.10	1250	2.92	1443	3.10
SURUT	1554	1.12	1632	1.43	1725	1.71	1942	1.81	2112	1.54
PASANG	2154	3.36	2241	3.10	2350	2.90				

(b)



## PULAU LAKEI

	Selasa 19 Ogos		Rabu 20 Ogos		Khamis 21 Ogos		Jumaat 22 Ogos		Sabtu 23 Ogos	
	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)
PASANG									0046	3.17
SURUT	0224	1.18	0301	1.52	0346	1.84	0454	2.11	0621	2.24
PASANG	0844	3.57	0914	3.41	0952	3.26	1041	3.15	1149	3.11
SURUT	1457	1.30	1543	1.32	1639	1.32	1745	1.25	1855	1.11
PASANG	2103	3.41	2203	3.24	2317	3.14				

(c)

## KUKUP

	Selasa 19 Ogos		Rabu 20 Ogos		Khamis 21 Ogos		Jumaat 22 Ogos		Sabtu 23 Ogos	
	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)
PASANG	0300	2.64	0340	2.32	0434	2.01				
SURUT	0927	0.77	0953	0.90	1036	1.07	0012	1.22	0221	1.18
PASANG	1521	2.72	1607	2.63	1711	2.53	0603	1.79	0821	1.82
SURUT	2200	0.90	2252	1.08			1145	1.20	1320	1.20
PASANG							1848	2.54	2010	2.72

(d)

## SEJINGKAT

	Selasa 19 Ogos		Rabu 20 Ogos		Khamis 21 Ogos		Jumaat 22 Ogos		Sabtu 23 Ogos	
	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)	Masa (jam minit)	Ketinggian (meter)
PASANG									0102	3.93
SURUT	0251	1.29	0332	1.62	0422	1.93	0530	2.15	0650	2.21
PASANG	0909	4.42	0945	4.21	1028	4.00	1121	3.86	1225	3.82
SURUT	1529	1.22	1615	1.29	1709	1.32	1813	1.27	1918	1.15
PASANG	2142	4.10	2238	3.93	2347	3.86				

(e)

Daripada jadual 3.3.2 juga, dapat diperhatikan bahawa majoriti beberapa kawasan terpilih di Malaysia mempunyai perbezaan pasang dan surut air yang tidak begitu besar. Namun begitu, jika diteliti secara terperinci, didapati bahawa di Sejingkat Sarawak, perbezaan pasang dan surut air adalah agak ketara iaitu dalam lingkungan 3 meter dan ke atas. Dengan ini, jelaslah bahawa kawasan penjanaan tenaga pasang surut yang paling sesuai di Malaysia adalah di Sejingkat Sarawak dan kajian kes ini adalah tertumpu kepada kawasan tersebut.

### 3.4 Permodelan Matematik

Setelah mengenal pasti kawasan yang bersesuaian untuk penjanaan tenaga pasang surut air, maka langkah seterusnya pula ialah menganggarkan jumlah tenaga yang bakal dijana daripada data data tersebut.

#### 3.4.1 Persamaan Bernoulli

Persamaan Bernoulli @ teorem Bernoulli ini dihasilkan oleh Daniel Bernoulli pada tahun 1738 dalam buku *Hydrodynamica*. Ia merupakan pernyataan prinsip keabadian

tenaga pada aliran bendalir. Persamaan ini menghubungkan tekanan, halaju dan ketinggian bendalir yang mengalir pada satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Oleh itu, jumlah tenaga elektrik yang dihasilkan oleh penjana lepas pantai dikira menggunakan teorem Bernoulli.

### 3.4.2 Penghasilan Model Matematik

Untuk pengiraan dalam keadaan yang membabitkan kealiran, persamaan dalam teorem Bernoulli selalu digunakan. Ia dinyatakan seperti berikut.

$$\begin{aligned} \text{TENAGA KINETIK} + \text{TEKANAN} + \text{TENAGA KEUPAYAAN} \\ = \text{PEMALAR} \end{aligned}$$

Tenaga Kinetik;

$$\frac{1}{2} mv^2 = mgh$$

$$h = v^2/2g$$

Tenaga Keupayaan;

$$Mgz = mgh$$

$$Z = h$$

Oleh itu, teorem Bernoulli menjadi;

$$= U^2/2g + p + z$$

$$= \text{pemalar}$$

Di mana  $U$  merupakan halaju seunit air,  $p$  merupakan tekanan dan  $z$  merupakan ketinggian datum dari paras permukaan air (*head*). Tetapi, jumlah air di dalam takungan dikira terus sebagai sumber tenaga keupayaan. Untuk mengira kadar pelepasan (cecair) melalui laluan ke turbin, dengan menganggap  $h$  sebagai kedalaman laluan dan kedalaman laluan kritikal,  $d$  ;

$$U^2/2g + p + (d - h) = H \text{ (pemalar)}$$

Tetapi  $p = h$ , kedalaman di bawah permukaan air (depth below the free surface), Maka, persamaan telah menjadi;

$$U^2/2g = d = H$$

Diketahui bahawa persamaan untuk kealiran ialah  $Q = Av$ . Dimana  $Q$  adalah kadar pelepasan dalam  $m^3$ /saat, maka;

$$Q = A (2g (H - d))^{1/2}$$

Dalam persamaan di atas,  $A$  merupakan luas kawasan laluan air. Jumlah tenaga elektrik yang dijana adalah  $E = kQ$ .

Dalam hal ini,  $k$  pula merupakan pemalar yang terdiri daripada kepekaan turbin ( $E_t$ ), kepekaan penjana ( $E_g$ ), kepekaan pengubah ( $E_{tr}$ ), faktor kehilangan dalam talian penghantaran ( $L_t$ ) dan faktor-faktor kehilangan kehilangan luaran yang lain ( $L_o$ ). Namun mungkin terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang terhadap  $k$  ini. Oleh itu persamaan kuasa telah menjadi;

$$E = k (A^2g (H - d))^{1/2}$$

$$E = Ak (H - d)^{1/2}$$

$$E = Ak (h)^{1/2}$$

Di mana  $H$  adalah ketinggian air pegun di dalam struktur dan  $E$  merupakan tenaga elektrik yang dijana dalam unit kilowatt. Untuk membuktikan persamaan ini, terdapat beberapa rujukan telah digunakan. Persamaan yang menunjukkan jumlah tenaga elektrik dalam kilowatt diambil daripada dua sumber utama iaitu Tidal Electric Inc dan abstrak yang bertajuk *An Optimum Operation and Mathematical Model of Tidal Energy at Red Sea Area* oleh Prof. Faten H. Fahmy. Kedua-dua sumber ini mengeluarkan persamaan yang serupa. Namun begitu, terdapat satu masalah yang agak kritikal dalam persamaan yang telah dihasilkan. Masalah tersebut adalah mengenai nilai pemalar  $k$ .


### 3.4.3 Anggaran Nilai Pemalar $k$

Dalam kebanyakan persamaan yang telah ditemui, baik dalam laman web mahupun di dalam buku-buku rujukan, didapati nilai pemalar  $k$  tidak dinyatakan. Mengapa begini? Ini adalah kerana, pemalar  $k$  adalah pemalar kepada jenis-jenis turbin dan turbin-turbin ini adalah hak terpelihara syarikat-syarikat pengeluar turbin tersebut. Memang benar bahawa  $k$  juga bergantung pada faktor-faktor lain seperti diterangkan dalam bahagian sebelum ini. Namun begitu, jika dianggap bahawa ia adalah turbin yang ideal, maka nilai  $k$  hanya bergantung pada jenis turbin. Antara syarikat dan jenis turbin yang digunakan adalah Hitachi Hidro (Turbin Bulb), turbin bulb Kaplan dan turbin bulb Fuji Electric. Berikut merupakan pengiraan yang dilakukan untuk menganggarkan nilai pemalar  $k$ .

$$E = kQ^2$$

$$Q = Av ; Q = v/t$$

$v = (gh)^{1/2}$  yang merupakan kelajuan air keluar dari kawasan tadahan air. Oleh kerana  $g$  merupakan pecutan graviti, maka kelajuan kealiran hanya bergantung kepada ketinggian iaitu;  $h$ . Gambaran kedudukan  $h$  secara visual adalah seperti dalam rajah 3.4.3.1.



Rajah 3.4.3.1 Pandangan sisi bagi struktur *impoundment* menunjukkan yang aras ketinggian  $h$



Jika diambil jejari untuk laluan air adalah 2 meter, maka;

$$A = \pi j^2$$

$$A = \pi (2)^2$$

$$A = 12.57\text{m}^2$$

Diketahui;

$$Q = Av$$

$$Q = A(2gh)^{1/2}$$

Diberi;

$$E = kQ^2$$

$$E = kA^2 (2gh)$$

$$E = 12.57^2 (10)(2)kh$$

$$E = 3160.1kh$$

Merujuk kepada data daripada laman web Tidal Electric, untuk perbezaan ketinggian air sebanyak 13 kaki atau 3.95 meter, tenaga yang dijana adalah dalam 6 megawatt. Oleh itu;

$$6M = 3160.1k(3.96)$$

$$6M = 12514k$$

$$k = 479.46$$

E boleh dikira sebagai;

$$E = kQ^2$$

$$= 479.46(20)A^2h$$

$$= 9586.226(12.57)^2h$$

$$= 1.52Mh$$

Oleh itu, bolehlah ditegaskan bahawa tenaga elektrik yang dijana dengan menggunakan tenaga pasang surut air ini hanya bergantung kepada perbezaan ketinggian aras air di dalam kompleks penjana dan di laut.

### 3.5 Anggaran Saiz Penjana

Untuk penjana pasang surut air yang menggunakan kaedah *barrage*, kawasan tadahan atau takungan air adalah bersandar secara terus dengan bentuk muka bumi. Malah didapati kebanyakan *barrage* adalah dibina di kawasan muara sungai. Seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 3.3.1, didapati kawasan tadahan untuk *barrage* adalah agak luas. Namun begitu, untuk penjana pasang surut jenis lepas pantai pula, kawasan tadahan perlulah dianggarkan terlebih dahulu.


Berikut merupakan langkah dan anggaran secara teori bagi menentukan keluasan suatu kawasan tadahan penjana lepas pantai.

- o Diketahui bahawa  $Q = V/t$  dan  $Q = Av$  dimana  $Q$  adalah kadar kealiran,  $V =$  isipadu,  $t =$  masa (saat),  $A =$  luas dan  $v =$  halaju.
- o Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, perubahan antara pasang dan surut air dalam sehari secara minimumnya adalah sebanyak 2 kali.
- o Dengan mengambil data pada Selasa, 1 hb Januari 2002, di Sejingkat Sarawak. Seperti yang direkodkan dalam Jadual 3.5.1, didapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya 3 kali perubahan antara pasang surut dalam 24 jam.


Jadual 3.5.1 Masa dan kadar pasang dan surut air

Masa	Ketinggian air dari paras biasa (m)
4.59	5.06 (pasang)
11.54	-0.07(surut)
18.44	5.66(pasang)
0.24 (esok)	1.86(surut)


Jam : 4.59




Jam : 11.54



Jam : 18.44



Jam : 0.24



Rajah 3.5.1 Lakaran paras ketinggian air mengikut masa

- o Dengan merujuk kepada jadual 3.5.1 dan gambaran secara rambang aras pasang surut dalam rajah 3.5.2, ini menunjukkan perbezaan masa antara pasang dan surut air dan juga merangkap tempoh penjanaan adalah dalam lebih kurang 6 – 7 jam.
- o Jika diambil tempoh peralihan itu sebagai 7 jam, ini bermakna tempoh peralihan tersebut memerlukan masa sebanyak 25200 saat.  
Jika diambil;

$A = 12.57\text{m}^2$  , manakala  $v$  (halaju) ;  $gh$  2 yang mana  $g$  (pecutan graviti bumi yang ideal) = 10 dan  $h = 5$  meter, maka  $v = 2 \ 10 - \text{ms}$  .

$$V/t = (12.57)(10)$$

$$V = 12.57(10)(25200)$$

$$= 633.53 \times 10^3 @ 0.64\text{km}^2$$


Untuk menganggarkan nilai jejari;

$$\pi j^2 = 633.53 \times 10^3$$

$$j^2 = 201.56 \times 10^3$$


$$j = 450 \text{ meter}$$

Rajah 3.5.2 merupakan lukisan rentas penjana yang dimaksudkan. Harus ditekankan di sini bahawa bentuk binaan penjana tidaklah terlalu mengikut skema seperti yang dibentangkan. Ia hanya perlu mengikut struktur asas seperti yang ditunjukkan di dalam rajah 3.5.2. Bentuk tidak seharusnya berbentuk persegi. Ia boleh direka mengikut rekabentuk yang lain yang lebih sesuai kerana penjana yang berbentuk persegi memudahkan proses hakisan berlaku pada bucu binaan.




Rajah 3.5.2 Lukisan skematik asas penjana lepas pantai

Rajah 3.5.3 pula menunjukkan struktur asas dinding *impoundment* dari pandangan sisi.




Rajah 3.5.3 Lukisan asas pandangan sisi dinding *impoundment*

Struktur asas dinding *impoundment* mesti dilengkapi dengan lampu isyarat. Fungsi lampu isyarat ini adalah sebagai penunjuk kedudukan penjana pada waktu malam ataupun pada waktu kabus tebal kepada pengguna pengangkutan air. Ia bolehlah dikatakan sebagai salah satu daripada langkah keselamatan yang ada pada penjana. Manakala rajah 3.5.4 pula merupakan kawasan dimana projek pembinaan penjana lepas pantai yang sedang dijalankan oleh Syarikat Tidal Electric di Swan Sea Bay di Wales.




Rajah 3.5.4 Kawasan projek penjana lepas pantai oleh syarikat Tidal Electric

Daripada peta di atas diadapati bahawa penjana ini tidak bergantung pada bentuk muka bumi seperti penjana jenis *barrage*. Ia tidak menghalang laluan pengangkutan air dan tidak merubah bentuk muka bumi. Rajah 3.5.5 pula merupakan peta kawasan Sejingkat Sarawak yang merupakan kawasan kajian kes untuk penjana lepas pantai manakala rajah 3.5.6 pula menunjukkan kedudukan cadangan bagi penjana lepas pantai di kawasan tersebut.



Rajah 3.5.5 Peta kedudukan kawasan Sejingkat



Rajah 3.5.6 Peta dan gambaran kedudukan penjana lepas pantai di Sejingkat


### 3.6 Proses Penjanaan

Perbezaan antara pasang dan surut merupakan faktor yang mempengaruhi penjanaan tenaga elektrik untuk penjana pasang surut air, sama ada untuk penjana lepas pantai mahupun jenis *barrage*. Satu kaedah yang paling mudah dalam tujuan untuk menjana tenaga elektrik ialah dengan menggunakan sistem satu kawasan tadahan atau digelar penjanaan satu peringkat. Kaedah lain adalah menggunakan penjanaan tiga peringkat (*Three Pool Generation*). Sungguh pun berbeza, namun konsep penjanaan adalah sama.

Penjanaan bermula apabila terdapat perbezaan ketinggian air di dalam kawasan tadahan dan di luar kawasan tadahan air (laut). Ini bermakna penjanaan akan menghasilkan jumlah kuasa yang sama walau setinggi mana air pasang. Apa yang berbeza adalah jumlah perbezaan ketinggian air ketika mula ia dilepaskan untuk dijana. Dengan ini jumlah tenaga yang dijana setiap masa adalah malar. Perbincangan lanjut akan dikupas dalam bab 5.

### 3.6.1 Penjanaan Satu Peringkat

Penjanaan satu peringkat merupakan satu kaedah penjanaan yang agak mudah. *Barrage* secara amnya adalah satu sistem penjanaan satu peringkat kerana ia hanya mempunyai satu kawasan tadahan. Rajah 3.6.1.1 menunjukkan hasil daripada anggaran penjanaan mengikut penjanaan satu peringkat di Sejingkat, Sarawak pada 4 Mac 2002 .




Rajah 3.6.1.1 Anggaran penjanaan elektrik mengikut penjanaan satu peringkat

Dalam sistem ini didapati terdapat satu masa di mana proses mengepam dilakukan. Proses mengepam ini dilakukan untuk meningkatkan masa untuk penjanaan bagi memenuhi permintaan. Sistem pam ini telah pun digunakan di penjana pasang surut di La Rance, Perancis. Maka dengan itu, satu sistem kawalan telah dibentuk bagi menentukan masa yang sesuai untuk proses mengepam. Penentuan bagi sistem kawalan ini akan diuji dalam bab yang seterusnya.

### 3.6.2 Penjanaan Tiga Peringkat (*Three Pool Generation*)

Penjanaan tiga peringkat melibatkan penambahan 2 kawasan tadahan bertujuan menampung keperluan penjanaan ketika aras perbezaan ketinggian adalah minima. Hasilnya adalah lebih efisien kerana penggunaan pam yang tidak begitu ketara disamping hasil penjanaan yang lebih stabil. Rajah 3.6.2.1 menunjukkan data anggaran yang diperoleh hasil cerapan penggunaan skim penjanaan tiga peringkat untuk 19 Oktober 2002 di Sejingkat Sarawak.





Rajah 3.6.2.1 Graf anggaran penggunaan skim penjanaan tiga peringkat di Sejingkat, Sarawak pada 19 Oktober 2002

Penjanaan tiga peringkat menghasilkan faktor beban yang lebih tinggi dengan pembekalan kuasa 81% setiap masa, 19 jam 44 minit daripada 24 jam. Namun begitu, dengan menggunakan skim ini, perlu ada penambahan kawasan tadahan. Penambahan ini hanyalah melibatkan peningkatan keperluan material pembinaan sebanyak 40%. Walaupun kos pembuatan meningkat sebanyak 15% tetapi faktor beban telah meningkat sebanyak 30%. Ini bukanlah suatu yang merugikan.

### 3.7 Turbin


Turbin adalah sebahagian daripada penjana. Ia merupakan mesin segerak kerana ia berupaya menukarkan tenaga kinetik kepada tenaga elektrik. Ia beroperasi pada kelajuan dan frekuensi yang tertentu. Penjana segerak di stesen janakuasa merupakan mesin segerak 3 fasa. Terdapat berbagai jenis turbin. Penggunaan setiap turbin pula bergantung kepada keperluan penjanaan.

### 3.7.1 Faktor Pemilihan turbin

Dalam penjanaan tenaga elektrik elektrik menggunakan penjana lepas pantai, pemilihan turbin bergantung kepada keadaan operasi dan keadaan persekitaran (hakisan dan gelembung tekanan dalaman). Berikut merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan turbin:

- o Aras terendah air (surut),
- o Kepelbagaian aras ketinggian air dan kadar aliran,
- o Keperluan untuk menggunakan pam atau tidak,
- o Penjanaan dua arah atau tidak,
- o Kekekapan penjanaan.

Turbin yang digunakan untuk penjanaan pasang surut air adalah serupa dengan semua jenis turbin yang digunakan dalam skim penjanaan tenaga hidro iaitu turbin bulb dan jenis rim. Kepelbagaian ketinggian aras air diatasi dengan menggunakan sistem regulasi dua peringkat. Generator untuk turbin bulb diletakkan dalam turbin bulb itu sendiri (raajah 3.7.1.1 ).




Rajah 3.7.1.1 Struktur asas turbin bulb

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, penjanaan tenaga pasang surut air melibatkan pertukaran aras air yang rendah. Oleh itu, keperluan yang paling kritikal dalam pemilihan turbin adalah kemampuan menjana tenaga elektrik walaupun ketika aras air adalah rendah. Di sini terdapat beberapa pilihan untuk jenis-jenis turbin bulb.

### 3.7.1.1 Turbin Bulb Hitachi

Model bagi turbin bulb yang digunakan di Tadami, Jepun ditunjukkan seperti di dalam rajah 3.7.1.1.1. Berikut merupakan ciri-ciri bagi turbin bulb tersebut:


- o Aras ketinggian maksima air adalah 40meter.
- o Kuasa keluaran adalah dari 10 megawatt sehingga 100 megawatt.
- o Di Tadami (Jepun), paras ketinggian maksima 20.7m dan boleh menjana kuasa maksimum 65.8Mwatt.
- o Di Lingitan (China) pula, paras ketinggian maksima adalah 13.2m dan boleh menjana kuasa maksimum 34 megawatt.



Rajah 3.7.1.1.1 Model turbin bulb yang digunakan di Tadami, Jepun

### 3.7.1.2 Turbin Bulb Kaplan.

Turbin Kaplan adalah turbin yang membenarkan kadar aliran air yang bergerak secara terus. Turbin ini direka untuk ketinggian air yang minima iaitu 1.5 sehingga 23 meter dan kadar aliran dari  $1.34 \text{ m}^3/\text{s}$  hingga  $1360 \text{ m}^3/\text{s}$ . Rajah 3.7.1.2.1 adalah rajah turbin bulb Kaplan dan jadual 3.7.1.2.1 pula menunjukkan ukuran dimensi turbin tersebut.



Rajah 3.7.1.2.1 Lukisan rentas turbin bulb Kaplan

Jadual 3.7.1.2.1 Jadual orientasi ukuran bagi turbin bulb Kaplan

A	B	C	D	E	F	G	H
4.300	5.125	3.915	1.000	2.640	2.300	1.765	1.715
5.385	6.400	4.850	1.250	3.300	2.870	2.200	2.140
6.030	7.175	5.300	1.400	3.700	3.210	2.470	2.400
6.895	8.200	5.800	1.600	4.225	3.670	2.820	2.740
7.750	9.225	6.400	1.800	4.750	4.130	3.170	3.080
8.615	10.250	7.300	2.000	5.280	4.590	3.530	3.425

### 3.8 Simulasi Projek

Setelah mendapatkan persamaan untuk kuasa yang bakal dijana, persamaan tersebut haruslah di simulasikan agar dapat dikenal pasti sama ada penjanaan tenaga elektrik menggunakan penjana lepas pantai, mampu membekalkan kuasa elektrik pada kadar yang diharapkan.

#### 3.8.1 Eksperimentasi Melalui Model

Penghasilan model penjana lepas pantai ini adalah bertujuan menengenal pasti sistem kawalan yang bersesuaian bagi skim penjanaan satu peringkat bagi penjana lepas pantai. Terdapat 3 bahagian utama dalam penghasilan model.

- Sensor
- *Programmable Logic Control (PLC)*
- Aturcara *Visual Basic*

##### 3.8.1.1 Sensor


Sensor yang digunakan untuk model adalah gabungan beberapa komponen elektronik bagi membentuk satu litar pengesanan yang mampu mengesan kehadiran air. Litar yang digunakan adalah litar yang dikenali sebagai 'pasangan Darlington'. Perbincangan yang lebih teliti akan dibentangkan dalam bab yang seterusnya.

##### 3.8.1.2 PLC

PLC merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengawal satu sistem operasi. Ianya amat mudah untuk dipelajari tetapi agak sukar untuk diimplementasi ke dunia nyata. PLC yang digunakan di sini dikenali sebagai *Ladder Diagram*. Mengikut penyelidikan yang telah dilakukan, diadapati bahawa kebanyakan sektor perindustrian masih menggunakan PLC jenis *Ladder Diagram* sebagai aturcara kawalan mereka. Maka,



dengan ini adalah wajar untuk menggunakan PLC *Ladder Diagram* bagi membentuk sistem kawalan model penjanaan satu peringkat. Rajah 3.8.1.2.1 merupakan satu daripada contoh aturcara PLC menggunakan *Ladder Diagram*.




Rajah 3.8.1.2.1 Contoh aturcara PLC menggunakan *Ladder Diagram*

### 3.8.1.3 Aturcara *Visual Basic*

Visual Basic adalah salah satu cara yang paling mudah untuk merekabentuk bentuk satu *operation system* OS (sistem operasi) yang untuk *Windows*. Ia adalah lebih mesra pengguna berbanding dengan sistem pengaturcaraan yang lain seperti "C".

Terdapat beberapa cara untuk menulis aturcara (*source code*) untuk Visual Basic. Namun cara yang paling popular adalah dengan menggunakan *Pseudocode*. *Source code*

ini adalah menyerupai frasa-frasa ringkas berbahasa Inggris. Rajah 3.8.1.3.1 merupakan paparan untuk mereka bentuk satu aturcara dengan menggunakan program *Visual Basic*.



Rajah 3.8.1.3.1 Paparan untuk permulaan aturcara *Visual Basic*

## BAB IV

### DATA DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan

Terdapat dua skim untuk penjanaan tenaga elektrik melalui penjana lepas pantai (*offshore*) iaitu penjanaan satu peringkat dan penjanaan tiga peringkat. Untuk skim penjanaan satu peringkat, satu sistem kawalan perlu diadakan bagi menentukan masa yang sesuai untuk menghidupkan pam bagi mengepam air masuk ke dalam penjana agar terdapat perbezaan aras air di dalam penjana dan di luar penjana. Eksperimentasi ini melibatkan model kawalan untuk sistem kawalan penjanaan satu peringkat.

Model bagi penjanaan satu peringkat ini terdiri daripada 3 bahagian utama iaitu, penentuan sensor aras ketinggian air, simulasi hasil daripada sensor ketinggian air ke dalam aturcara *Visual Basic* dan sistem kawalan bagi mengawal pam dengan menggunakan kaedah *Programmable Logic Control (PLC)*.

#### 4.2 Litar Sensor Elektronik


Untuk menghasilkan model penjana satu peringkat, beberapa sensor diperlukan bagi mengesan ketinggian aras air di dalam kawasan takungan air. Konsep asas sensor yang diperlukan ialah apabila sensor mengesan kehadiran air, arus elektrik akan mengalir dan arus inilah yang berfungsi sebagai input untuk aturcara *Visual Basic* dan PLC. Oleh kerana kedua-dua program ini memerlukan input yang sama, maka jenis sensor yang digunakan untuk kedua-dua program ini adalah sama.




### 4.2.1 Sambungan Darlington

Nadi utama untuk sensor ini ialah pasangan Darlington. Pasangan Darlington biasanya digunakan di dalam litar penguat. Selain itu, pasangan Darlington dipilih kerana cirinya yang membolehkan ia berfungsi sebagai suis.

Apabila *probe* 'a' dan *probe* 'b' dicelup ke dalam air, litar akan menjadi litar pintas (lihat rajah 4.2.1.1). Ini akan menghidupkan pasangan Darlington. Nilai perintang pada kaki pemancar (*emitter*) tidak perlu dispesifikasikan kepada nilai tertentu. Ini kerana setelah pasangan Darlington dihidupkan, ia seolah-oleh menjadi sebuah perintang yang bernilai tertentu (lihat rajah 4.2.1.2).




Rajah 4.2.1.1 Litar skematik pasangan Darlington dan *probe*




Rajah 4.2.1.2 Litar setara untuk pasangan Darlington setelah dilitar pintas

Untuk membekalkan *input* kepada PLC dan aturcara *Visual Basic*, satu penyambungan lain pula perlu dilakukan. *Input* bagi PLC adalah nilai voltan yang bernilai dalam lingkungan 6 sehingga 12 volt (bergantung kepada jenis relay yang digunakan), manakala *input* untuk aturcara *Visual Basic* pula adalah bernilai dalam lingkungan 5 volt. Sambungan dari litar sensor ke program-program tersebut pula adalah seperti dalam gambarajah 4.2.1.3 di bawah.



Rajah 4.2.1.3 Litar konsep sambungan sensor ke program PLC atau *Visual Basic*


Rajah 4.2.1.4 merupakan susunan 3 set litar sensor. Sebanyak 3 sensor yang digunakan untuk menghasilkan paparan keupayaan kuasa dan sebanyak 7 sensor digunakan untuk PLC.



Rajah 4.2.1.4 Litar sensor di atas *testing board*


#### 4.2.2 *Probe* Mengesan Kehadiran Air

Konsep yang digunakan untuk mencipta sensor pengesanan ketinggian air ialah apabila *probe* mengesan kehadiran air, keadaan litar pintas akan berlaku. Ini bermakna air berfungsi sebagai pengalir (rujuk rajah 4.2.1.1). Sungguhpun air mempunyai kerintangan yang tinggi, namun dengan menggunakan litar pasangan Darlington, isyarat kecil (arus elektrik) yang melalui air dapat dibesarkan lalu dikesan. *Probe* direka hanya menggunakan dawai pengalir.




Rajah 4.2.2.1 Rupa bentuk *probe* untuk paparan *Visual Basic*

Namun begitu, rekacipta *probe* untuk menghidupkan geganti bagi PLC agak berlainan sedikit. Walaupun perintang  $1k\Omega$  adalah bernilai 7.5 volt, namun ia masih tidak dapat menghidupkan geganti 6 volt jika menggunakan air sebagai pengalir. Tetapi jika pengalir logam (bagi menggantikan air) digunakan, dan nilai perintang  $1k\Omega$  menjana nilai voltan 7.5 volt barulah relay 6 volt dapat dihidupkan. Maka satu lagi *probe* telah direka semata-mata untuk masalah ini. *Probe* ini adalah seperti yang terdapat dalam rajah 4.2.2.1. Rajah 4.2.2.3 pula adalah jenis-jenis *probe* yang digunakan untuk model penjanaaan elektrik satu peringkat .



Rajah 4.2.2.2 *Probe* untuk menghidupkan geganti




Rajah 4.2.2.3 *Probe* yang digunakan dalam pembikinan model penjanaan elektrik satu peringkat

#### 4.2.3 Sumber Vdc Untuk Menghidupkan Litar Sensor

Sumber voltan arus terus yang paling mudah adalah dengan menggunakan bateri sel kering bersaiz AA yang membawa nilai 1.5 setiap satu. Namun begitu, bateri sel kering menghadapi kemungkinan untuk cepat 'haus', dengan itu satu lagi sumber voltan arus terus telah digunakan iaitu *power supply*. *Power supply* berfungsi dengan menukar arus terus daripada soket elektrik iaitu 240 Vm kepada arus terus dan boleh dilaras mengikut keperluan.


Dalam eksperimentasi ini *adapter* dipilih sebagai penerus. *Adapter* digunakan sebagai sumber kuasa bagi peralatan elektrik seperti *walkman*, *discman* dan *charger*. *Adapter* ini telah diubah suai, agar ia berfungsi sebagai *power supply*. Rajah 4.2.3.1 merupakan sumber voltan arus terus yang telah digunakan dalam eksperimentasi.



Rajah 4.2.3.1 Sumber kuasa untuk arus terus


#### 4.2.4 Komponen Elektrik Yang Lain

Dalam pembentukan model penjanaan satu peringkat ini, terdapat tiga keluaran yang perlu dititik beratkan iaitu, masa untuk penggunaan pam, masa penjanaan dan potensi tenaga elektrik yang dijana. Potensi tenaga elektrik yang dijana dipaparkan dalam simulasi Visual Basic. Manakala masa penggunaan pam dan masa penjanaan ditentukan menggunakan PLC. Penggunaan pam dan masa penjanaan ini diwakili dengan motor arus terus seperti yang ditunjuk dalam rajah 4.2.41. Ini bermakna jika penggunaan pam diperlukan, motor yang mewakili pam akan beroperasi manakala jika penjanaan berlaku, motor yang mewakili penjana (turbin) pula akan berputar.



Rajah 4.2.4.1 Motor yang digunakan sebagai perwakilan pam dan turbin


Geganti adalah satu komponen elektrik yang berfungsi sebagai suis. Ia mempunyai dua *mode* iaitu *commonly close* dan *commonly open*. Untuk eksperimentasi ini, banyak geganti telah digunakan. Contoh sambungan geganti adalah seperti dalam rajah 4.2.4.2. Jenis penyambungan untuk PLC adalah dalam *mode commonly open*. *Mode commonly open* bermakna litar buka. Maka pada keadaan awal, sambungan ke PLC adalah litar buka. Jika terdapat isyarat voltan dari sensor, geganti akan hidup, dan ia akan bertukar ke *mode commonly close* yang menyerupai litar tutup atau litar pintas lalu menghidupkan PLC.



Rajah 4.2.4.2 Relay 6 Vdc

#### 4.2.5 Jenis Sambungan Untuk Litar Sensor

Setiap daripada litar sensor memerlukan sumber kuasa arus terus untuk beroperasi. Oleh kerana ia tidak bergantung kepada nilai arus untuk berfungsi, maka cara penyambungan yang paling ideal ialah dengan menggunakan penyambungan selari seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.2.5.1.



Rajah 4.2.5.1 Sambungan selari litar sensor




### 4.3 Penggunaan Aturcara *Visual Basic*

Dalam pembentukan model untuk skim penjanaan satu peringkat ini, aturcara *Visual Basic* digunakan untuk memaparkan jumlah potensi tenaga yang bakal dijana untuk sesuatu ketinggian air. Penciptaan *interface* untuk keluaran model ini agak mudah, namun untuk 'menarik' *external input* (masukan luaran) memerlukan satu *source code* yang agak spesifik diperlukan.


#### 4.3.1 Langkah-langkah Menyediakan *Interface* Keluaran Untuk Model

- Untuk menyediakan interface keluaran model, OS komputer yang sesuai perlu dipilih. Antara OS yang boleh digunakan adalah seperti Linux, Machintosh (untuk komputer *Apple*) dan *Microsoft Windows*. Untuk aturcara *Visual Basic*, OS *Windows* adalah yang bersesuaian.
- Namun, OS *Windows Me* merupakan OS yang lebih sesuai berbanding dengan *Windows Xp* kerana *Windows Xp* tidak membenarkan *input/output* (i/o) secara terus kerana ia mempunyai sistem *security* yang amat ketat. Contoh i/o yang biasa digunakan adalah mesin pencetak, mesin fax dan mesin pengimbas.
- OS *Visual Basic* pula perlu dibentuk terlebih dahulu sebelum penyambungan i/o dilakukan. Rajah 4.3.1.1 menunjukkan contoh *interface* paparan yang direka manakala rajah 4.3.1.2 merupakan contoh *source code* bagi *interface* tersebut.






Rajah 4.3.1.1 *Interface* untuk paparan keluaran potensi kuasa yang dijana mengikut ketinggian.



Rajah 4.3.1.2 *Source code* untuk paparan keluaran potensi kuasa yang dijana mengikut ketinggian.

- Model perkakasan pula dapat dihubungkan dengan operasi sistem komputer dengan menggunakan talian kabel pencetak yang juga dikenali sebagai *parallel port*.


Seperti di dalam rajah 4.3.1.3, kabel pencetak telah diubah suai bagi membuat penyambungan dari sensor ke komputer melalui *parallel port* (pot pencetak). Hujung yang sepatutnya disambung dengan pencetak telah dikerat, maka perlulah dikenal pasti setiap wayar yang mewakili setiap masukan perlulah dikenal pasti. Oleh kerana terdapat 25 masukan, maka terdapat 25 wayar yang mewakili setiap satunya.



Rajah 4.3.1.3 Kabel pencetak yang telah diubah suai untuk penyambungan antara komputer dan litar sensor.


Untuk mengenal pasti wayar yang mewakili masukan tertentu, pengujian menggunakan multimeter perlu dilakukan. Jika *probe* multimeter diletakkan pada masukan dan wayar yang betul, maka multimeter akan memberikan bacaan. Setelah dikenal pasti setiap wayar yang mewakili setiap masukan, maka label perlu diletakkan untuk mengelakkan kekeliruan dan disambung pada *male D 25*.

*Female D 25* digunakan untuk sambungan yang hendak di sambung kepada sensor. Jumlah sambungan ini bergantung kepada jumlah sensor yang juga merupakan jumlah masukan. Dalam model ini, 3 sensor digunakan untuk mengesan potensi tenaga yang dijana pada setiap ketinggian. Oleh itu, jumlah sambungan yang diperlukan adalah sebanyak 4. Wayar yang ke empat disambung kepada masukan ke 25 yang mewakili 'bumi'. Wayar pertama hingga ke tiga disambung kepada masukan pertama hingga masukan ke tiga setiap satunya seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.3.1.4.




Rajah 4.3.1.4 Penyambung *female* D 25

Pada penyambung *female* D 25 mempunyai 25 keluaran yang disambung kepada penyambung *male* D 25 masukan. Masukan ke 25 adalah masukan 'bumi' dan ia tidak boleh digunakan sebagai laluan pemindah maklumat. Setiap masukan mewakili nilai tertentu. Contohnya masukan 1 mewakili nilai bit 1, masukan 2 mewakili nilai bit 2 dan masukan 3 mewakili nilai bit 4. Boleh dirumuskan bahawa; nilai bit =  $1.2 - \text{masukan no.}$  Gambaran masukan pada *female* D 25 boleh dilihat pada rajah 4.3.1.5.




Rajah 4.3.1.5 Masukan pada penyambung *male D 25*

Oleh itu, *source code* untuk aturcara *Visual Basic* adalah berbeza mengikut masukan yang digunakan. Untuk aturcara paparan ini, 3 masukan telah digunakan. Rajah 4.3.1.6 menunjukkan penyambungan untuk sensor dengan komputer yang dilakukan melalui *female D 25* (yang mewakili komputer) dan *male D25* (yang mewakili sensor).



Rajah 4.3.1.6 Penyambungan antara *male D 25* dan *female D 25*

Rajah 4.3.1.7 pula menunjukkan penyambungan lengkap untuk litar sensor yang hendak disambung dengan komputer untuk paparan potensi tenaga elektrik dengan menggunakan aturcara *Visual Basic*.



Rajah 4.3.1.7 Penyambungan antara *probe*, sumber kuasa litar sensor dan penyambung *female D 25* dengan litar sensor

```

Project1 - Microsoft Visual Basic [design] - (For_Model (Code))
Dim s1 As Double
Dim s2 As Double
Dim s3 As Double
s1 = Val(Text1.Text)
s2 = Val(Text2.Text)
s3 = Val(Text3.Text)
s4 = Val(Text4.Text)
s5 = Val(Text5.Text)
s6 = Val(Text6.Text)

pic.Line (Text1.Text - 0.5, Text4.Text)-(Text1.Text + 0.5, 0), , B
pic.Line (Text2.Text - 0.5, Text5.Text)-(Text2.Text + 0.5, 0), , B
pic.Line (Text3.Text - 0.5, Text6.Text)-(Text3.Text + 0.5, 0), , B
End Sub

Private Sub Timer1_Timer()
Data = Inp($H37D) 'baca data dari parallel port
If (Data And 4) = 4 Then 'tuk bit ke-3
Text1.Text = "5"
Else
Text1.Text = ""
End If
If (Data And 2) = 2 Then 'tuk bit ke-2
Text2.Text = "3"
Else
Text2.Text = ""
End If
If (Data And 1) = 1 Then 'tuk bit ke-1
Text3.Text = "1"
Else
Text3.Text = ""
End If
End Sub


```

Rajah 4.3.1.8 Aturcara paparan untuk menentukan masukan yang digunakan sebagai medium penghantaran

Dalam aturcara tersebut, operasi *timer* perlu disertakan (rujuk rajah 4.3.1.1) bagi memastikan ketika operasi dimulakan, sistem akan mengesan denyut elektrik setiap mili saat (penetapan ini boleh dilakukan dengan memasukkan nilai pada *interval* di *properties window* untuk *timer*). *Source codenya* pula adalah seperti dalam rajah 4.3.1.8. Kaedah ini dilakukan untuk memastikan sistem beroperasi dalam keadaan masa sebenar (*real time mode*).

#### 4.4 Sistem Kawalan Untuk Model Penjanaan Satu Peringkat

Dalam sistem penjanaan satu peringkat, satu sistem kawalan adalah diperlukan bagi menentukan masa yang sesuai untuk pam beroperasi. Masa yang sesuai pula bergantung kepada ketinggian air di dalam dan di luar kompleks penjana. Rajah 4.4.1 merupakan graf penjanaan satu peringkat.




Rajah 4.4.1 Anggaran penjanaan elektrik mengikut penjanaan satu peringkat dan masa penggunaan pam

##### 4.4.1 Pembentukan Sistem Kawalan


Sistem kawalan direka dengan menggunakan operasi *Programmable Logic Control @ PLC*. Kaedah yang digunakan adalah kaedah *Ladder Diagram*. Sistem kawalan ini secara teorinya direka berpandukan rajah 4.4.1.2. di bawah.





Rajah 4.4.1.2 Gambaran kedudukan sensor bagi model skim penjanaan satu peringkat


Berpandukan rajah 4.3.1.2, terdapat 7 sensor iaitu s0 sehingga s6. Setiap satu sensor mewakili paras ketinggian air pada teritori masing-masing. Rajah 4.3.1.3 merupakan aturcara operasi untuk model penjanaan satu peringkat.




Rajah 4.4.1.3 Aturcara sistem kawalan bagi penjanaan satu peringkat

Mengikut sistem kawalan ini, apabila air laut telah pasang penuh iaitu air laut berada pada paras maksima, sensor s0 akan 'on'. Oleh itu penjanaan akan berlaku kerana terdapat perbezaan antara ketinggian di dalam dan luar penjana. Mengikut rajah 4.4.1.4, menunjukkan perbezaan ketinggian antara kawasan tadahan penjana dan laut. Oleh itu, proses penjanaan pun berlaku seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.4.1.5.






Rajah 4.4.1.4 Gambaran perubahan aras ketinggian air ketika air pasang penuh




Penjanaan akan terus berlaku walaupun aras air meningkat dari s5 sehingga ke s4. Ini adalah kerana terdapat perbezaan ketinggian antara aras air di dalam kompleks penjana dan di luar kompleks penjana. Rajah 4.4.1.6 menunjukkan aturcara sistem kawalan ketika aras air hingga ke s4.




Rajah 4.4.1.6 Aturcara sistem kawalan ketika aras air meningkat hingga ke s4

Seterusnya apabila air sudah sampai ke aras s6, penjanaan akan dihentikan dan pam akan dihidupkan. Rajah 4.4.1.7 menunjukkan gambaran aras ketinggian air dan rajah 4.4.1.8 aturcara sistem kawalan untuk keadaan tersebut.




Rajah 4.4.1.7 Gambarajah perubahan ketinggian aras air



Rajah 4.4.1.8 Aturcara sistem kawalan ketika aras air berada pada s0 dan s6


Apabila pam dalam keadaan 'on' air dipam sehingga mencapai aras s3, kemudian pam akan dihentikan. Pada ketika proses penjanaan tidak berlaku kerana pada ketika ini aras perbezaan ketinggian antara dalam dan luar kompleks penjana tidak begitu besar. Tetapi, penjanaan disambung semula apabila aras air di luar kompleks penjana telah surut hingga ke aras s0. Aturcara untuk ketika air mula surut boleh dilihat dalam rajah 4.4.1.9.



Rajah 4.4.1.9 Aturcara sistem kawalan ketika air mula surut

#### 4.4.2 Sambungan *Hardware* PLC


Penyambungan antara sensor dan PLC tidak boleh dilakukan secara terus. Apabila masukan 24Vdc diberikan kepada litar PLC yang disambung kepada sensor, keluaran 24 Vdc akan terhasil. Dalam litar ini, peranan geganti amat berguna kerana sifatnya yang menyerupai suis. Rajah 4.4.2.1 menunjukkan mesin PLC yang digunakan. PLC terdiri daripada 8 masukan dan 8 keluaran. Dalam set PLC *training kit* pula, terdapat 8 suis yang mewakili masukan, 8 keluaran positif, 8 keluaran negatif, 8 penunjuk keluaran 1 punca 24 Vdc positif dan 1 punca 24 Vdc negatif. Aturcara hendaklah dimasukkan ke dalam PLC melalui *pad programmer* dengan mengubahnya kepada ayat-ayat arahan yang digelar *Basic Instruction*.



Rajah 4.4.2.1 PLC

Seperti yang diterangkan sebelum ini, PLC hanya berfungsi dengan voltan yang bernilai 24 Vdc. Oleh kerana sensor yang direka hanya mampu menghasilkan nilai voltan setinggi 7.5 volt, maka bantuan geganti diperlukan bagi memastikan nilai 24 Vdc dimasukkan ke dalam PLC mengikut kehendak sensor. Rajah 4.4.2.2 merupakan contoh lakaran untuk sambungan PLC yang dibentuk.






Rajah 4.4.2.2 Lakaran sambungan PLC


Seperti yang digambarkan dalam rajah 4.4.3.2, geganti 1, 2 dan 3 merupakan geganti 6 Vdc yang menerima bekalan voltan daripada sensor. Apabila sensor mengesan kehadiran air, ia akan menghasilkan voltan bernilai 7.5 volt lalu melitar pintaskan geganti. Apabila geganti-geganti dilitar pintaskan, ia akan menjadi satu laluan untuk voltan 24 Vdc untuk ke masukan PLC.

Apabila nilai masukan telah memenuhi spesifikasi keluaran, maka nilai voltan 24 Vdc akan dihantar ke geganti 4 (geganti 24 Vdc) melalui keluaran dan kemudian dipintaskannya. Setelah dilitar pintas motor akan mendapat bekalan voltan daripada sumber voltan yang disediakan. Rajah 4.4.2.3 merupakan sambunag lengkap geganti dan litar sensor.



Rajah 4.4.2.3 Sambungan geganti dan litar sensor


Rajah 4.4.2.4 pula adalah sambungan litar sensor, PLC dan motor untuk model.



Rajah 4.4.2.4 Sambungan Litar sensor, PLC dan motor


#### 4.5 Model Penjanaan Satu Peringkat

Model penjanaan satu peringkat ini terdiri daripada beberapa bahagian yang disambung seperti dalam rajah 4.5.1. Ia secara kasarnya terdiri daripada komputer yang mewakili hasil paparan potensi tenaga elektrik yang bakal dijana, PLC yang mengawal motor yang menggambarkan keluaran yang mewakili pam dan turbin untuk masa penjanaan dan kawasan tadahan.




Rajah 4.5.1 Gambarajah konsep penyambungan untuk model penjanaan satu peringkat

Model kawasan tadahan merupakan bahagian penting yang perlu diambil kira. Kawasan tadahan yang dimodelkan ini mempunyai dua bahagian yang mewakili kawasan lautan dan kawasan tadahan untuk penjana. Rajah 4.5.2 menunjukkan model kawasan tadahan yang dilengkapi dengan sensor. Untuk mengawal keluar masuk air ke kawasan tadahan, laluan telah direka. Laluan ini berfungsi seperti pintu yang boleh buka dan tutup. Model ini dibuat daripada bekas *tupper ware* dan dipisahkan dengan menggunakan plastik polistrin. Rajah 4.5.3 (a) menunjukkan laluan air ditutup dan rajah 4.4.3 (b) pula ketika laluan di buka.



Rajah 4.5.2 Model kawasan tadahan






(a)

(b)

Rajah 4.5.3 Laluan air pada model kawasan tadahan

Rajah 4.5.4 menunjukkan sambungan dan susunan lengkap untuk model penjana satu peringkat yang sudah siap dipasang.




Rajah 4.5.4 Model penjana satu peringkat

## 4.6 Keputusan dan Analisis

Penjanaan tenaga elektrik menggunakan kaedah pasang surut air merupakan salah satu kaedah penjanaan tenaga elektrik yang efektif. Ini terbukti dengan penjana-penjana pasang surut yang terdapat di serata dunia yang mampu membekalkan jumlah tenaga yang diperlukan mengikut kehendak pengguna di kawasan masing-masing. Sungguh pun kesemua penjana pasang surut yang telah sedia ada menggunakan kaedah *barrage*, namun konsep penjanaan adalah serupa dengan penjana lepas pantai yang telah dicadangkan dalam bab sebelum ini. Penjanaan tenaga ini adalah bergantung sepenuhnya kepada perbezaan ketinggian aras air di antara kawasan tadahan dan laut.

### 4.6.1 Keputusan Dan Analisis Data Pasang Surut Di Sejingkat, Sarawak


Mengikut prinsip keabadian tenaga, tenaga tidak dapat dicipta dan dimusnahkan. Ia hanya dapat diubah dari satu bentuk ke satu bentuk yang lain. Perubahan tenaga keupayaan kepada tenaga elektrik telah dihuraikan dalam bentuk persamaan matematik dalam bab 3 di dalam bahagian permodulan matematik. Rajah 4.6.1.1 memaparkan paparan potensi kuasa yang dijana oleh satu turbin dalam setahun untuk tahun 2002 di Sejingkat Sarawak dengan menggunakan aturcara *Visual Basic*.



Rajah 4.6.1.1 Graf paparan kuasa yang dijana dalam setahun

Daripada graf yang diperolehi, didapati potensi tenaga yang dijana setiap bulan adalah hampir sama. Min potensi tenaga yang dijana pula ialah 6.257 megawatt. Penjanaan adalah maksimum pada bulan Januari iaitu sebanyak 6.543 megawatt manakala penjanaan adalah minimum pada bulan Ogos iaitu 5.963 megawatt. Faktor perbezaan jumlah tenaga yang dijana ini adalah dipengaruhi oleh musim-musim yang dialami oleh kawasan tersebut. Ini bererti bahawa penjanaan tenaga elektrik menggunakan penjana pasang surut di Sejingkat stabil kerana tenaga yang dijana setiap bulan adalah hampir sama. Penjanaan kuasa yang stabil adalah penting untuk sektor perindustrian dan perlancongan. Memandangkan Sejingkat terletak berhampiran dengan bandar Kuching yang merupakan sebuah bandar yang maju dalam sektor perindustriannya, maka sesuaiilah penjana pasang surut dibina disitu. Berikut pula merupakan ulasan untuk bacaan data bagi tiga bulan yang terpilih iaitu bulan Januari, Ogos dan Disember.


Rajah 4.6.1.2 menunjukkan bacaan data pada bulan Januari. Potensi tenaga yang dijana pada bulan tersebut adalah maksimum berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Purata tenaga yang dijana adalah 6.542 megawatt dengan purata perbezaan ketinggian pasang dan surut adalah sebanyak meter. Sungguh pun begitu, graf hariannya tidak memaparkan penjanaan yang stabil. Ini adalah kerana mengikut graf tersebut, paras tertinggi perbezaan air pasang dan surut adalah pada 1 haribulan, manakala paras terendah perbezaan ketinggian adalah pada 24 haribulan. Ini bermakna potensi penjanaan harian adalah tidak sekata.




Rajah 4.6.1.2 Bacaan dan graf pada bulan Januari

Rajah 4.6.1.3 menunjukkan data pasang surut untuk bulan Ogos. Penjana purata potensi tenaga elektrik pada bulan ini adalah yang paling rendah sekali iaitu 5.962 megawatt dengan purata perbezaan ketinggian maksimum 3.902 meter. Seperti bacaan pada bulan Januari, nilai ketinggian perbezaan pasang surutnya adalah tidak stabil. Nilai bacaan minimum untuk bulan ini adalah pada awal dan akhir bulan iaitu dengan perbezaan ketinggian sebanyak 2.89 meter, manakala bacaan maksimum adalah pada pertengahan bulan iaitu pada 11 haribulan dengan perbezaan ketinggian sebanyak 5.48 meter.





Rajah 4.6.1.3 Bacaan dan graf pada bulan Ogos



Rajah 4.6.1.4 Bacaan dan graf pada bulan Disember

